

'Saya tidak ragu Najib mahu melabur projek arang batu'

Oleh SUWARNI MOKHTAR
utusannews@mediamulia.com.my

KUALA LUMPUR: Datuk Shahrol Azral Ibrahim Halmi tidak pernah meragui tindakan diambil bekas Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak berhubung dana RM4 bilion yang dipinjam daripada Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan) (KWAP).

Sebaliknya bekas Pengarah SRC International Sdn. Bhd., itu berkata, beliau mempercayai setiap tindakan Najib dan bekas Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) IMDB, Nik Faisal Ariff Kamil adalah demi kepentingan negara.

"Perlu diingatkan bahawa pada ketika itu, defendan pertama (Najib) adalah Perdana Menteri dan Menteri Kewangan. Saya dimaklumkan bahawa bagi projek-projek yang dikenal pasti, dana yang besar adalah diperlukan. Oleh itu timbul keperluan untuk meminjam dana daripada KWAP.

"Selepas pinjaman oleh KWAP diluluskan, defendan ketiga (Nik Faisal) memberitahu saya bahawa plaintiff (SRC International) sedang berusaha untuk melabur dalam dua projek lombong arang batu di Mongolia dan Indonesia jadi dana KWAP perlu disalurkan dengan segera agar tidak terlepas peluang pelaburan yang baik.

"Najib secara bersendirian atau bersama Nik Faisal telah memberikan tanggapan palsu terhadap pengarah-pengarah plaintiff berhubung tujuan sebenar penyaluran dana RM4 bilion KWAP," katanya.

Shahrol Azral berkata demikian dalam perbicaraan kes saman dikemukakan SRC International terhadap Najib dan Nik



SHAHROL Azral Ibrahim Halmi memberitahu mahkamah bahawa beliau tidak meragui Najib Tun Razak yang membuat pinjaman dana KWAP untuk kepentingan negara.

Najib secara bersendirian atau bersama Nik Faisal telah memberikan tanggapan palsu terhadap pengarah-pengarah plaintiff."

**SHAHROL AZRAL
IBRAHIM HALMI**

Faisal yang dinamakan sebagai defendan pertama dan ketiga.

Terdahulu, Shahrol Azral yang juga bekas CEO SRC International (selepas Nik Faisal)

memberitahu Mahkamah Tinggi di sini bahawa Najib secara aktif mengawal dan menguruskan SRC International sama ada secara bersendirian ataupun melalui Nik Faisal.

Selain itu, Shahrol Azral menafikan dakwaan Najib bahawa beliau telah melakukan salah laku dan melanggar kewajiban sehingga menyebabkan SRC International mengalami kerugian.

"Perlu ditekankan bahawa tugas dan peranan saya sebagai pengarah (di SRC International) hanya pada nama dan tidak boleh dilaksanakan secara realiti.

"Tambah pula, tiada alasan untuk saya meragui bahawa pada ketika itu sedang berlaku aktiviti yang meragukan dalam syarikat itu," katanya.

Pada 7 Mei 2021, SRC International memfailkan saman sivil terhadap Najib dan Nik Faisal.

Dalam tuntutan tersebut, lima bekas pengarah syarikat itu turut dinamakan sebagai pihak ketiga. Sebelum ini, SRC menggugurkan lima individu berkenaan dalam saman itu dan hanya mengekalkan Najib sebagai defendan.

Lima individu itu ialah Datuk Suboh Md Yassin, Datuk Mohammed Azhar Osman Khairuddin, Datuk Shahrol Azral Ibrahim Halmi, Tan Sri Ismee Ismail dan Datuk Che Abdullah @ Rashidi Che Omar dan empat bekas pengarahnya yang bermula hari ini. Perbicaraan kes di hadapan Hakim Datuk Ahmad Fairuz Zainol Abidin bersambung 15 April ini.